

Keratan Akhbar bertarikh 10 Jun 2016

Sinar Harian, Malaysia

Belanja raya Festira 2016

Aktiviti beli belah tahunan anjuran PKNS

■ AHMAD ISMADI ISMAIL

SHAH ALAM - Lebih 500 gerai jualan disediakan untuk orang ramai membeli-belah sempena Aidilfitri dalam Festival Ramadan Selangor (Festira) 2016.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, Festira merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Real Estate Sdn Bhd.

"Ia berlangsung selama 40 hari bermula 27 Mei hingga 5 Julai di SACC Mall, Kompleks PKNS Shah Alam dan Kompleks PKNS Bang," katanya.

Menurutnya, Festira pada tahun ini juga berjaya meluaskan lagi pengaruh hasil kerjasama dengan Kerajaan Selangor.

"Festira turut diadakan di Stadium Malawati Shah Alam pada 25 dan 26 Jun serta 2 dan 3 Julai, juga akan berlangsung pada dua minggu terakhir sebelum raya di Stadium Sungai Besar, Sabak Bernam dan lokasi terakhir di pusat membeli-belah Spectrum, Ampang Jaya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya mengangarkan lebih 2,000 peniaga akan mengambil bahagian dalam festival itu.

"Kita peruntukkan kira-kira RM300,000, di mana 70 peratus daripada RM300,000 itu kita berikan balik kepada peniaga dalam bentuk menyediakan prasarana dan kemudahan untuk mereka berniaga," katanya.

Amirudin berkata, terdapat

pelbagai program dirancang antaranya, pengunjung berpeluang beraneka mesra dengan pemain bola sepak Selangor dalam jamuan berbuka puasa pada 25 Jun ini di Stadium Malawati.

"Selain itu, ada juga program bersama anak yatim dan program berbuka bersama masyarakat dan komuniti serta persembahan kebudayaan dan tazkirah," katanya dalam sidang media selepas merasmikan festival berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif PKNS Real Estet Sdn Bhd, Fakru Radzi Ghani berkata, pengunjung Festira 2016 juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik sepanjang Ramadhan ini.

"Festira 2016 ini turut menampilkan pelbagai jenis produk. Ia bersesuaian dengan golongan yang mempunyai bajet kecil untuk membeli-belah, mereka boleh berkunjung ke Kompleks PKNS, manakala golongan bajet besar untuk berbelanja pula boleh datang ke SACC Mall," katanya.

Menurutnya, artis terkenal seperti Liza Hanum, Raja Farah dan Faiz Dickie dipilih sebagai duta Festira 2016.

"Festira pada kali ini juga turut menampilkan dua ruang perniagaan terbaharu iaitu Jameela Street di tingkat 2 dan 3 SACC Mall sebagai 'Fashion Circle' bagi fesyen Muslimah trendy.

"Satu lagi lokasi perniagaan dalam Festira kali ini adalah 'Tempat Orang Lokal' di Kompleks PKNS Shah Alam yang dapat menarik pengunjung baru, terutamanya golongan muda," katanya.